BIL. 3 | 2026

BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Hari Pustakawan 2026

8 JUN 2026



Bersempena sambutan Hari Pustakawan 2026, Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah menganjurkan Program Transformasi Minda i-Talk: Café Ketua Pustakawan yang menampilkan perkongsian ilmu oleh En. Mohd Irman bin Haji Mohd Din, Timbalan Pengarah, Financial Services Library, Bank Negara Malaysia.

- Beliau mengupas pelbagai perspektif mengenai peranan strategik perpustakaan sebagai pemangkin pembangunan ilmu, pengukuh budaya pembelajaran sepanjang hayat serta pemacu inovasi dalam menyokong pembangunan negara.
- Sesi interaktif yang berlangsung turut memberi peluang kepada warga PTTA untuk bertukar pandangan, berkongsi pengalaman dan mengupas cabaran serta hala tuju perpustakaan dalam mendepani era pendigitalan.

SOROTAN PROGRAM

Program Girl Guides@ The Library 2026

20 MEI 2026



Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menerima kunjungan peserta Program Girl Guides: A Day Out @ The Library 2026 peringkat Daerah Batu Pahat menerusi kolaborasi bersama Persatuan Pandu Puteri Malaysia Daerah Batu Pahat.

- Ia melibatkan hampir 100 orang peserta dari pelajar sekolah sekitar Batu Pahat.
- Program yang bertemakan "Exploring the Digital Frontier" ini memberi penekanan kepada perkongsian ilmu dan knowledge transfer berkaitan literasi maklumat, penerokaan teknologi digital serta pengenalan kepada ekosistem pembelajaran moden di perpustakaan akademik.

Program CSR Komuniti Digital@ Sk Parit Nawi Muar

21 MEI 2026



Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), UTHM telah melaksanakan Program CSR Komuniti Digital bersama Sekolah Kebangsaan Parit Nawi, Muar

- Menerusi pendekatan pembelajaran kreatif dan berteraskan teknologi bagi memperkasa pembangunan pelajar sekolah. Program ini merupakan inisiatif kolaboratif yang memberi fokus kepada pemindahan ilmu, literasi digital, kreativiti pelajar serta pembangunan komunikasi melalui elemen pembelajaran abad ke-21.
- Pihak sekolah telah diketuai oleh Tuan Haji Fadli, Guru Besar SK Parit Nawi.

Majlis Sejambak Budi, Setulus Ingatan

15 Jun 2026



Perpustakaan Tunku Tun Aminah telah mengadakan Majlis Sejambak Budi, Setulus Ingatan bersempena persaraan En. Md Hafiz bin Abu Bakar, Ketua Pembantu Pustakawan.

- Warga kerja Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada En. Md Hafiz atas jasa bakti dan perkhidmatan yang telah disumbangkan sepanjang berkhidmat di PTTA.
- Warga PTTA mendoakan semoga sentiasa sihat dan sejahtera sepanjang tempoh persaraan.

Pembangunan Virtual Room Facilities di (PTTA)

18 MEI 2026





Satu sesi pembentangan projek pelajar daripada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), UTHM telah diadakan berkaitan pembangunan Virtual Room Facilities di Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA). Projek ini dilaksanakan di bawah penyeliaan PM Ts. Dr. D'oria Islamiah binti Rosli.

- Pelajar yang terlibat ialah Saudara Amir Nur Mustaqim, Saudari Nurul Nadiah, Saudari Asiyah Nabila dan Saudari Nurul Najihah. Sementara itu, wakil PTTA yang hadir dalam sesi pembentangan tersebut diketuai oleh Encik Mohd Noor Hasman dan En Amizan Masri.
- Inisiatif ini dibangunkan bagi membantu pengguna perpustakaan mendapatkan gambaran awal serta maklumat berkaitan ruang dan fasiliti yang terdapat di PTTA secara lebih interaktif dan mesra pengguna.